

MAHATHIR - TOL

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA UGUTAN DAN TINDAKAN KEKERASAN OLEH MANA-MANA PIHAK BAGI MENYELESAIKAN ISU KUTIPAN TOL DI CHERAS, KATA DATUK SERIDR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANAMENTERI SERKATA KERAJAAN WELAYAN DESAKAN, PERMINTAAN, PERHOHONAN ATAU RAYUAN DARSPADA ORANGRAMAI DENGAN BERLANDASKAN APA YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH KERAJAAN.

DATUK SERIDR MAHATHIR BERKATA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM DEMONSTRASI DI PLAZA TOL CHERAS MALAM TADI TIDAK SEHARUSNYA MELAKUKAN PERBUATAN TERSEBUT SERTA MENGUGUT TIDAK AKAN MENGUNDI KERAJAAN SEKIRANYA KADAR TOL DI SITU TIDAK DIKURANGKAN.

+JADI, JIKA MEREKA TIDAK MENGUNDI KERAJAAN, KEMUNGKINANNAK TURUN (KADAR TOL) TIDAK ADA-LANGSUNG, + KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO, DI IBU PEJBAT UMNO DI SINI. MESYUARAT ITU BERLANGSUNG KIRA-KIRA TIGA JAM.

PERDANAMENTERI DIMINTA MENUNJUK PERASAAN OLEH KIRA-KIRA 1,000 ORANG YANG MENCETUSKAN RUSUHAN DI PLAZA TOL KM 8, CHERAS MALAM TADI SEHINGGA UNIT SIMPANAN PERSEKUTUAN (FRU) TERPAKSA DIPANGGIL UNTUK MENGAWAL KEADAAN.

-- LA 61
1446 MST 08 09 50

0057

U 8959 A A 0
MAHATHIR - TOL 2 KUALA LUMPUR

HEREKA YANG MENGADAKAN DEMONSTRASI ITU DIKATAKAN BERKUMPUL DI KEDUA-DUA BELAH JALAN DI PLAZA TOL ITU SEJAK PUKUL 7.30 MALAM DAN BERTINDAK LIAR MEMBALING BOTOL DAN BATU KE ARAH POLIS DAN KENDERAAN MEREKA.

POLIS MELEPASKAN TEMBAKAN GAS PEMEDIH MATA BAGI MENYURAIKAN MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAAN DEMONSTRASI ITU MENJADI TEGANG KERANA ADA PARTI POLITIK YANG TERLIBAT DALAM DEMONSTRASI ITU.

KATANYA, BELIAU JUGA TIDAK MENERIMA APA-APA RAYUAN BERHUBUNG KADAR TOL YANG DIKENAKAN DISITU DARIPADA ORANGRAMAI.

+MEREKA TIDAK ADA MEMBUAT RAYUAN APA-APA...MEREKA TERUS MEMBUAT DEMONSTRASI, + KATANYA SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA PENDUDUK KAWASAN ITU HANYA HERUJUKKAN PERKARA TERSEBUT KEPADA TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LEE LAM THYE. -- LAGI

1456 MST 08 09 90

0067

UB 965 A A B
MAHATHIR - TOL 3 KUALA LUMPUR

DITANYA BAHAWA ADA BELIAU ADA MENERIMA MEHORANDUM MENGENAI PERKARA ITU DARIPADA UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESI, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK ADA MENERIMANYA SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESI TIDAK TERLIBAT DALAM DEMONSTRASI TERSEBUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA SEKIRANYA KADAR TOL DI PLAZA ITU DIKURANGKAN SEKARANG, HEREKA YANG MENGADAKAN DEMONSTRASI ITU AKAN HENYATAKAN BAHAWA PENURUNAN TERSEBUT ADALAH HASIL DARIPADA DEMONSTRASI YANG DIADAKAN.

HASIL DARIPADA ITU, PARTI PEMBANGKANG AKAN PULA MEMINTA PENDUDUK KAWASAN ITU MENGUNDI MEREKA, KATANYA.

PERDANAMENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN BERSEDIA MENGADAKAN RUNDINGAN MENGENAI KADAR TOL ITU SEKIRANYA SEGALA BENTUK UGUTAN DIHENTIKAN.

KATANYA, MEREKA JUGA TIDAK HARUS MELAKUKAN DEMONSTRASI JIKA KADAR TOL DI SITU TIDAK DIKURANGKAN. -- LAGI

0073

R B970 A A B
MAHATHIR - TOL 4 KUALA LUMPUR

DALAH SATU UPACARA LAIN, **TIMBALAN** HENTERI **DI** JABATAN **PERDANA**
MENTERI DATUK SULEIMAN MOHAMED **BERKATA** **KERAJAAN** **BELUM** **MENETAPKAN**
KADAR **TOL** YANG AKAN DIKENAKAN **DI** JALAN **PAHANG**.

BAGAIMANAPUN, BELIAU **BERKATA** KEHUNGKINAN BAYARAN SEBANYAK 50 **SEN**
AKAN DIKENAKAN.

PROJEK **DI** JALAN **PAHANG** **MEMBABITKAN** **PEMBINAAN** JEJAHBAT DAN **JUGA**
PEHBESARAN JALAN SEKITAR BULATAN **DI** **SITU** **BAGI** HENGELAK **KESESAKAN**. **IA**
KINI **HAHPIR** **SIAP**.

DATUK SULEIHAN **BERKATA**, KADAR **TOL** **DITETAPKAN** **BERDASARKAN** **KEPADA**
KOS **PEMBINAAN** DAN **PENYELENGGARAN** JALAN **RAYA** **BERKENAAN**.

SEBELUM **ITU**, **DATUK SULEIMAN** **TELAH** **MERASMIKAN** **BANGUNAN** **TAMBAHAN**
SEKOLAH **AGAMA** **PUSAT** **LATIHAN** **POLIS** (**PULAPOL**) **BERHARGA** **\$14,000**. --
BERNAMA

1541MST 08 09 90